

23 MAR 2003

Sukan-F1 (Pembukaan)

PM RASMI GRAND PRIX F1 MALAYSIA

SEPANG, 23 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad merasmikan perlumbaan Formula One (F1) Grand Prix Petronas Malaysia kali kelima di Litar F1 Sepang, di sini, hari ini.

Dr Mahathir yang bercuti selama dua bulan dari 6 Mac hingga 4 Mei ini, kembali ke tanah air dari Brazil pada Khamis lepas untuk menyaksikan perlumbaan F1.

Ketibaan Dr Mahathir disambut oleh Pemangku Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Pengerusi Petronas Tan Sri Azizan Zainol Abidin, Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Petronas Tan Sri Mohd Hassan Marican dan Pengerusi Sepang International Circuit (SIC) Tan Sri Basir Ismail serta Menteri Belia dan Sukan Datuk Hishammuddin Tun Hussein.

Seperti kelaziman sebelum ini, upacara pembukaan bermula dengan persembahan kebudayaan tarian pelbagai kaum di negara ini yang dipersembahkan di hadapan petak permulaan litar sepanjang 5.543km itu yang dibina dengan kos RM286 juta.

Petronas yang merupakan penaja utama sejak perlumbaan sulung F1 dilangsungkan di negara ini pada 1999, sebelum itu memperagakan pasukan sukan bermotornya kepada penonton dengan membuat lintasan satu pusingan dimulai pasukan motosikal Petronas Sprinta, diikuti pasukan rali Petronas-EON Racing Team (PERT) bersama juara dunia Karamjit Singh, serta Pasukan Pengembaraan Petronas pemanduan 4x4.

Dr Mahathir menaiki kereta Mercedes yang dipandu Basir mendahului perarakan kereta klasik yang dinaiki pemandu-pemandu F1 dengan kereta di belakangnya membawa Abdullah.

Dr Mahathir, Abdullah dan tetamu kenamaan kemudiannya juga melawat paddock 10 pasukan yang bertanding.

Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah dan Raja Muda Selangor, Tengku Amir turut berangkat menyaksikan perlumbaan F1, perlumbaan terunggul di dunia yang turut ditayangkan secara langsung menerusi Radio dan Televisyen Malaysia (RTM).

Antara Menteri Kabinet yang turut menyaksikan perlumbaan itu ialah Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Tan Sri Muhyiddin Yassin, Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Paduka Abdul Kadir Sheikh Fadzir dan Menteri Kewangan Kedua Datuk Dr Jamaluddin Jarjis.

Sejam sebelum perlumbaan sebenar, enam pesawat F/A 18 Hornet dari Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) menggegarkan litar apabila membuat pertunjukan melintasi ruang udara sekali gus menghiburkan peminat-peminat sukan bermotor yang hadir sejak pagi.

Cuaca panas terik tidak menghalang para peminat termasuk dari luar negara menyaksikan perlumbaan apabila hampir 100,000 orang hadir sekalipun dunia kini dilanda masalah perang Iraq.

Bantahan perang yang disuarakan masyarakat antarabangsa turut dirasai di litar apabila pasukan European Minardi turut membantah keganasan perang yang dilakukan Amerika Syarikat dan sekutunya Britain dengan mempamerkan pelekat "Malaysia for Peace" di bahagian kanan badan kereta.

-- BERNAMA

HS HRS PR